



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)  
SUKU TAHUN KEEMPAT DAN TAHUNAN 2025**

*GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP)  
FOURTH QUARTER AND ANNUAL 2025*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR  
SUKU TAHUN KEEMPAT DAN TAHUNAN 2025**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


---

**PERTUMBUHAN EKONOMI MENINGKAT 0.7 PERATUS BAGI TAHUN 2025**

**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2025**

1. Bagi tahun 2025, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga tetap mencatatkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus berbanding tahun 2024. Ini adalah terutamanya didorong oleh peningkatan Sektor Minyak dan Gas sebanyak 3.1 peratus, manakala, Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatatkan penurunan sebanyak 1.5 peratus. Sementara, KDNK pada harga semasa berjumlah sebanyak BND19.7 bilion.

**Pertumbuhan Tahunan KDNK Bagi Negara Brunei Darussalam  
(Tahun-Ke-Tahun), 2015 – 2025**




2. Peningkatan bagi Sektor Minyak dan Gas adalah terutamanya didorong oleh subsektor Perlombongan Minyak dan Gas dan subsektor Pembuatan Gas Cecair Asli (LNG). Ini adalah berikutan peningkatan pengeluaran minyak mentah daripada telaga yang sedia ada dan baharu, dan ketersediaan gas.
3. Manakala, penurunan bagi Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan beberapa subsektor utama, termasuk Kewangan, Lain-Lain Pembuatan, dan Perkhidmatan Kesihatan.

### KNDK Bagi Suku Tahun Keempat (Q4) 2025

4. Bagi Q4 2025, KNDK negara pada harga tetap meningkat sebanyak 4.5 peratus berbanding Q4 2024. Ini adalah terutamanya disumbangkan oleh peningkatan Sektor Minyak dan Gas sebanyak 10.1 peratus, manakala, Sektor Bukan Minyak dan Gas menurun sebanyak 0.3 peratus.

### Pertumbuhan Suku Tahunan KDNK Bagi Negara Brunei Darussalam (Tahun-ke-Tahun), Q1 2024 – Q4 2025



	Q1 2024	Q2 2024	Q3 2024	Q4 2024	Q1 2025	Q2 2025	Q3 2025	Q4 2025
<span style="color: orange;">■</span> Sektor Minyak & Gas	8.6	7.7	12.9	-5.1	-1.5	1.5	2.0	10.1
<span style="color: blue;">■</span> Sektor Bukan Minyak & Gas	6.0	3.4	-0.2	2.3	-2.0	-1.8	-1.8	-0.3
<span style="color: black;">- -</span> KDNK	7.2	5.4	5.7	-1.3	-1.8	-0.3	0.03	4.5

5. Peningkatan bagi Sektor Minyak dan Gas adalah didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli, berikutan pemulihan operasi selepas aktiviti penyelenggaraan. Pengeluaran LNG juga meningkat, selaras dengan ketersediaan bekalan gas yang mencukupi.

6. Manakala, penurunan Sektor Bukan Minyak dan Gas terutamanya disumbangkan oleh penurunan beberapa subsektor utama, termasuk Kewangan, Perdagangan Borong dan Runcit, dan Lain-Lain Pembuatan.
7. Subsektor Kewangan mencatatkan penurunan, terutamanya disebabkan oleh prestasi perbankan yang lebih sederhana berikutan kadar faedah global yang rendah. Penurunan subsektor Perdagangan Borong dan Runcit adalah disebabkan oleh pengurangan jualan dalam runcit dan kenderaan bermotor. Manakala, subsektor Lain-Lain Pembuatan menurun selaras dengan pengurangan aktiviti pembaikan produk logam buatan, mesin, dan peralatan.
8. Mengikut aktiviti ekonomi, sumbangan utama KDNK bagi Q4 2025 adalah Sektor Industri yang menyumbang sebanyak 56.9 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan sebanyak 42.1 peratus, dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan sebanyak 1.0 peratus.
9. Bagi Q4 2025, jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah bernilai BND5.2 billion. Daripada jumlah KDNK tersebut, Sektor Bukan Minyak dan Gas menyumbang sebanyak 55.4 peratus, manakala, Sektor Minyak dan Gas menyumbang sebanyak 44.6 peratus.
10. Mengikut pendekatan perbelanjaan, bagi Q4 2025, Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan, dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 30.4 peratus dan 4.4 peratus. Manakala, komponen lain menurun, termasuk Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 9.2 peratus, dan Pembentukan Modal Kasar (pelaburan aset fizikal) sebanyak 1.4 peratus.
11. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q4 2025 dan Tahunan 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn).

# KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU KEEMPAT 2025



جباتن فرانچغن ايكونومي دان ستاتيستيك  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
BRUNEI DARUSSALAM



PERTUMBUHAN  
KDNK


**4.5%**

	Q4 2024	Q4 2025
Jumlah dalam BND juta pada harga tetap	5,166.8	5,401.7
Jumlah dalam BND juta pada harga semasa	5,252.1	5,156.4

KADAR PERTUMBUHAN (%)  
PADA HARGA TETAP



AGIHAN (%)  
PADA HARGA SEMASA




PENYUMBANG UTAMA SEKTOR  
BUKAN MINYAK & GAS




## MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

KADAR PERTUMBUHAN (%)  
PADA HARGA TETAP



AGIHAN (%) PADA HARGA SEMASA



[deps.mofe.gov.bn](https://deps.mofe.gov.bn)

[info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn)

[@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**GROSS DOMESTIC PRODUCT**  
**FOURTH QUARTER AND ANNUAL 2025**


**BRUNEI DARUSSALAM**

***ECONOMIC GROWTH INCREASED 0.7 PER CENT IN 2025***

***Gross Domestic Product (GDP) Growth in 2025***

- In 2025, Brunei Darussalam’s Gross Domestic Product (GDP) at constant prices recorded an increase of 0.7 per cent compared to the same period last year. This was mainly contributed by a 3.1 per cent increase in the Oil and Gas Sector, while the Non-Oil and Gas Sector recorded a decrease by 1.5 per cent. Meanwhile, GDP at current prices was valued at BND19.7 billion.*

***Brunei Darussalam’s Annual GDP Growth (Year-on-Year), 2015 – 2025***




2. *The expansion in the Oil and Gas Sector was primarily driven by the Oil and Gas Mining subsector and Manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG) subsector. This was supported by higher crude oil production from both existing and newly commissioned oil wells, and availability of gas.*
3. *Meanwhile, the Non-Oil and Gas Sector declined, mainly due to contractions in key subsectors, including Finance, Other Manufacturing, and Health Services.*

### **GDP Growth in the Fourth Quarter (Q4) of 2025**

4. *In Q4 2025, Brunei Darussalam’s GDP at constant prices increased by 4.5 per cent compared to Q4 2024. This was mainly driven by an expansion in the Oil and Gas Sector by 10.1 per cent, while the Non-Oil and Gas Sector recorded a decline by 0.3 per cent.*

**Brunei Darussalam’s Quarterly GDP Growth (Year-on-Year),  
Q1 2024 – Q4 2025**



5. *Growth in the Oil and Gas Sector was primarily attributed to increased crude oil and natural gas production, following the resumption of operations after maintenance activities. LNG production also increased, supported by adequate gas supply.*

6. *Meanwhile, the Non-Oil and Gas Sector contracted, mainly due to decreases in several key subsectors, including Finance, Wholesale and Retail Trade, and Other Manufacturing.*
7. *The Finance subsector recorded a decline, mainly reflecting subdued banking performance amid lower global interest rates. The decrease in Wholesale and Retail Trade subsector was due to lower sales in retail trade and motor vehicles. Meanwhile, the Other Manufacturing subsector also fell, in line with lower repair activities on fabricated metal products, machinery and equipment.*
8. *By economic activity, the main contributor to GDP in Q4 2025 was the Industry Sector, accounting for 56.9 per cent, followed by Services Sector 42.1 per cent, and the Agriculture, Forestry and Fishery Sector at 1.0 per cent.*
9. *In Q4 2025, the economy's GDP at current prices was at BND5.2 billion. Of the total GDP, the Non-Oil and Gas Sector contributed 55.4 per cent, while the Oil and Gas Sector contributed 44.6 per cent.*
10. *As for the expenditure approach, in Q4 2025, Net Exports of Goods and Services, and Household Final Consumption Expenditure expanded by 30.4 per cent and 4.4 per cent, respectively. Whereas, other components registered declines, including Government Final Consumption Expenditure by 9.2 per cent, and Gross Capital Formation (physical asset investment) by 1.4 per cent.*
11. *Gross Domestic Product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The full report for the GDP Q4 of 2025 and Annual 2025 is available from DEPS's website at [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn).*

# GROSS DOMESTIC PRODUCT

## FOURTH QUARTER 2025



جباتن فرانچن ايكونومي دان ستاتيستيك  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
BRUNEI DARUSSALAM




GDP GROWTH


**4.5%**

	Q4 2024	Q4 2025
Value in BND Million at constant prices	5,166.8	5,401.7
Value in BND Million at current prices	5,252.1	5,156.4

GROWTH RATE (%) AT CONSTANT PRICES



SHARE (%) AT CURRENT PRICES



NON-OIL & GAS SECTOR KEY CONTRIBUTORS



## BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

GROWTH RATE (%) AT CONSTANT PRICES



SHARE (%) AT CURRENT PRICES



[deps.mofe.gov.bn](https://deps.mofe.gov.bn)

[info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn)

[@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)